

Islam bukan agama bengis, kata Mahathir

Free Malaysia Today

21 April 2014

Islam agama nasihat, agama sederhana yang tidak bertujuan menjadi beban kepada penganutnya.

PETALING JAYA: Islam merupakan agama yang lembut dan tidak membebankan penganutnya, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Menulis di dalam blognya chedet.cc, bekas perdana menteri itu berkata penangkapan pemikir kontroversi Kassim Ahmad menggambarkan Malaysia sebagai negara Islam yang suka memaksa dan menentukan kehidupan orang Islam.

“Tetapi kita tahu dalam Islam ada dosa besar dan ada dosa kecil. Yang sunnat tidak wajib, tidak berdosa jika ditinggal pun. Islam bukan keras, bukan begitu bengis. Islam agama nasihat, agama sederhana yang tidak bertujuan menjadi beban kepada penganutnya. Islam bukan agama paksaan.

“Tetapi ada pihak yang tidak puas hati kerana Islam lembut, bertimbang rasa, adil. Mereka ingin menjadi Islam agama yang keras, yang bengis pun,” katanya dalam entri blognya hari ini yang bertajuk ‘Kassim Ahmad – 80’.

Mengulas mengenai hukum hudud, Mahathir berkata hukum itu seharusnya digunapakai kepada lelaki dan perempuan, bukan kepada wanita sahaja.

“Ada di sebuah negara Islam di mana yang tidak berjanggut disembelih. Ada yang merejam dengan batu, menembak mati wanita yang dituduh berzina. Tetapi tidak pasangan lelaki mereka. Lelaki boleh berzina, perempuan sahaja yang salah. Al-Quran menghukum kedua-dua. Tetapi ramai orang Islam mengecualikan lelaki.

“Alhamdulillah banyak amalan yang ekstrim ini tidak terdapat di negara tercinta ini. Namun ada yang hendak lihat ini juga dilaksanakan, diamal di sini. Mereka yang dipertanggungjawab terhadap agama Islam di negara ini ternampak seolah-olah ingin supaya sunnah nabi dijadikan lebih tinggi, lebih wajib dari firman Tuhan dalam al-Quran,” katanya lagi.

Dalam masa yang sama, Mahathir turut menampelak layanan yang diberikan kepada Kassim oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi).

“Kassim yang tidak sihat, berumur 80 tahun ditangkap, dibawa ke mahkamah, dituduh menghina Islam, dituduh tidak akur kepada fatwa Pejabat Agama Islam dan dikurung sehingga dijamin.

“Yang menghina agama Islam di Malaysia ramai. Ada orang Islam yang memperlekeh Nabi

Muhammad S.A.W, menghina Allah S.W.T, membuat fatwa sendiri, bahkan mengembang ajaran sesat. Tetapi mereka tidak ditangkap. Tegur pun tidak. Tetapi Kassim yang sudah tua, yang berjalan bertongkat dituduh anti-hadis dan ditangkap,” tegasnya.

Mahathir turut mempersoalkan mengapa tindakan hanya diambil kepada Kassim, dan bukan golongan anti-hadis yang lain.

Kassim, dalam seminar pemikirannya pada 16 Feb lalu, mencetuskan kontroversi apabila menyamakan ulama dengan “kasta paderi”, menolak syahadah kedua dan berpendapat rambut bukan aurat wanita.

Dia ditahan di rumahnya di Kulim pada 26 Mac lalu oleh pegawai Jawi dengan bantuan polis.

Kassim antaranya dituduh menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina selain mengingkari pihak berkuasa agama, perintah Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis Agama Islam atau Mufti.

Dia dituduh mengikut Seksyen 7 (b) Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 dan Seksyen 9 akta sama yang membawa hukuman denda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/21/islam-bukan-agama-bengis-kata-mahathir/>